

KANUN TANAH NEGARA

**PERISYIHIRAN JUALAN**

**PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN**

**DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965**

**RUJUKAN FAIL: PTPK/12/A/PPJ/2021/17 (LELONGAN PERTAMA)**

Di antara

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**  
**Pemegang Gadaian**

Dan

**ZAFARULLAH B. MAT NORDIN**  
**Penggadai**

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Kinta yang diperbuat pada 03 November 2022 dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kinta

**AKAN MENJUAL SECARA**

# **LELONGAN AWAM**

**PADA HARI KHAMIS BERTARIKH 25/05/2023 JAM 10:30 PAGI**  
**DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH IPOH**

**NOTA:** Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa harta tanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/> .

## **BUTIR-BUTIR HARTANAH**

Jenis dan Nombor Hakmilik	PM 00015669
No. Lot/PT	Lot 311783
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Hulu Kinta
Keluasan Tanah	357 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	99
Cukai Tanah	RM79
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	Tanah ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak kecil atau dibebankan tanpa kebenaran Menteri Besar Perak.
Kawasan Rizab	Tidak
Nama Penggadai	ZAFARULLAH B. MAT NORDIN
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 12SC855/1991. Didafarkan pada 08 Julai 1991

Lokasi Tanah

Hartanah ini terletak di alamat NO. 10, PERSIARAN GUNTONG (S) 1/11, RPT SUNGAI PARI BUNTONG, 30100 IPOH, PERAK

HARGA RIZAB: RM 170,000.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu RM 17,000.00 (Ringgit Malaysia : Tujuh Belas Ribu Sahaja)
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhi oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhi oleh Pentadbir Tanah :-
  - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucutkan untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
  - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **22 September 2023** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.



A handwritten signature in black ink, appearing to be "F. S. M."

Bertarikh pada 06 Mac, 2023

Pentadbir Tanah  
Daerah Kinta  
Negeri Perak Darul Ridzuan